



BAS MINI (BM)

PERKARA	DASAR UMUM
Tafsiran Akta 334	Bas yang muatan duduknya tidak melebihi dua puluh enam orang (termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa penumpang mengikut tambang berasingan.
Jenis Perkhidmatan	TB
Kategori Pemohon	<ol style="list-style-type: none">IndividuSyarikat Tunggal / PerkongsianSyarikat Sdn Bhd / Syarikat BhdKoperasi<ul style="list-style-type: none">Pengeluaran lesen Bas Mini adalah untuk Daerah tertentu kecuali Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan
Kawasan Operasi	<ol style="list-style-type: none">Tidak melebihi 50 km atau dalam daerah yang sama.Tertakluk kepada kawasan yang dipohon dan diluluskan oleh LPKP. (daerah ke daerah berhampiran)
Jenis Kenderaan	Van: 12 penumpang.
Usia Kenderaan:	30 tahun
Tempoh Kelulusan Lesen	3 Tahun
Sistem Tambang	TB
Kadar Tambang	Hawa Dingin: 20 sen / km Tanpa Hawa Dingin: 18 sen / km
Tanda Badan	Warna kenderaan: <ol style="list-style-type: none">Sabah - PutihW.P Labuan - Warna berdasarkan zon laluan yang telah diluluskan oleh Lembaga.
Pemasangan Global Positioning System (GPS)	Wajib



➤ Kriteria Pemohonan Yang Layak

- a) Pemilikan Warganegara Malaysia.
- b) Pemohon mestilah menetap di daerah / kampung tersebut.
- c) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi syarikat Sdn Bhd atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi Korperasi.
- d) Memiliki lesen berniaga yang dikeluarkan oleh pihak PBT berkaitan yang masih berkuatkuasa KECUALI permohonan atas nama individu milik Tunggal.
- e) Pemilikan tunggal dibenarkan memiliki 1 unit lesen sahaja.
- f) Bukti modal RM10,000 bagi setiap unit yang dipohon atau telah memiliki kenderaan yang dibenarkan untuk dilesenkan sebagai bas mini.
- g) Modal Berbayar RM50,000 bagi Syarikat Sdn Bhd.
- h) Depoh kenderaan yang disokong / diluluskan oleh PBT.
- i) Kawasan operasi tidak melebihi 50 km atau dalam daerah yang sama sahaja.
- j) Sokongan / kelulusan pihak berkuasa tempatan bagi tempat letak kenderaan di perhentian / terminal pangkalan asal dan destinasi akhir.